# LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA

(LAND SURVEYORS BOARD)

[Ditubuhkan di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen, 1958 (Disemak 1991) - Akta 458]

ARAS 5 - 7 WISMA LJT
LORONG PERAK
PUSAT BANDAR MELAWATI
53100 KUALA LUMPUR
No. Telefon: 03-41085191
No. Faksimili: 03-41085178
e-mail: secretary@ljt.org.my
laman web: www.ljt.org.my


RUJUKAN TUAN:

RUJUKAN KAMI: **LJT 6 Jld 9/(5)**

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

12 Mac 2015

***SEMUA JURUKUR TANAH BERLESEN***

*YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,*

**PEMBERIAN INSENTIF BAGI PEMBELIAN PERISIAN PERAKAUNAN *GST***

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (Lembaga) dalam mesyuaratnya yang ke-445 telah meluluskan untuk memberi insentif kepada Juruukur Tanah Berlesen (JTB) bagi pembelian perisian perakaunan *GST.* Insentif pembelian ini adalah sebanyak RM2,000 (Ringgit Malaysia Dua Ribu sahaja).

3. Berikut adalah syarat-syarat bagi permohonan pemberian insentif tersebut:

3.1 Permohonan tersebut perlu menggunakan borang yang disediakan seperti di **Lampiran A.**

3.2 Pembelian perlu mengikut senarai perisian yang diiktiraf oleh Jabatan Kastam DiRaja Malaysia yang mana senarai tersebut boleh didapati di www.customs.gov.my

3.3 Permohonan perlu disertakan dengan inbois, resit dan *Delivery Order* yang asal daripada pembekal.

3.4 Pemberian insentif ini diberikan ke atas nama firma yang didaftarkan dengan Lembaga dan Jabatan Kastam DiRaja Malaysia dan sertakan nombor pendaftaran *GST.*

4. Jika YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan membuat pembelian bagi tujuan menaiktaraf perisian perakaunan *GST* yang sedia ada juga adalah layak untuk memohon insentif ini.

Sekian, terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

Saya yang menurut perintah,

**(Sr ISMAIL BIN HARUN)**
*Setiausaha*
Lembaga Jurukur Tanah
Malaysia

s.k. 1. YBhg. Datuk Sr Ahmad Fauzi bin Nordin, *PMW, JSM, SMZ, KMN*
Pengerusi
Lembaga Jurukur Tanah
Malaysia

2. Presiden
Persatuan Juruukur Tanah Bertauliah
(PEJUTA)

3. Pengerusi
Koperasi Jurukur Tanah Belesen Berhad
(KOJUTA)

4. LJT 21.521

**LAMPIRAN A**

LEMBAGA JURUKUR TANAH
MALAYSIA

**BORANG PERMOHONAN**
**INSENTIF PEMBELIAN PERISIAN PERAKAUNAN GST**

1. Butiran JTB

   1.1 Nama :

   1.2 Nama Firma :

   1.3 Alamat Pejabat:

   1.4 No. Pendaftaran GST:

2. Butiran Pembelian

   2.1 Nama Perisian :

   2.2 Pembekal :

   2.3 Harga Belian :

   2.4 Tarikh Pembelian :

3. Perakuan

   Saya mengesahkan bahawa semua maklumat di atas adalah benar.

..................................................
(Tandatangan dan cop JTB) Tarikh :